

B528
MAHATHIR-TIMAH
(1)

1981

KUALA LUMPUR, 27 NOV. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR
MOHAMAD HARI INI

MENGGESA AMERIKA SYARIKAT BERSIKAP SEBAGAI +ABANG SUPAYA
NEGARA-NEGARA KECIL BOLEH TERUS MENGHARAPKAN BANTUANNYA+.
SAMBIL MENGKECAM CADANGAN AMERIKA UNTUK MENJUAL STOK SIMPANAN
BIJIH TIMAHNYA DARI PENTADBIRAN PERKHIDMATAN AM (GSA) KE
PASARAN DUNIA, PERDANA MENTERI MENEGASKAN LANGKAH TERSEBUT AKAN
MENGGUGAT EKONOMI NEGARA-NEGARA PENGELUAR TERUTAMA MALAYSIA
YANG MERUPAKAN NEGARA PENGEKSORT TERBESAR BAHAN TERSEBUT.

+TINDAKAN AMERIKA ITU AKAN MENYEBABKAN KEMELESETAN HARGA DAN
INI AKAN MENJEJASKAN KITA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMEROSOTAN HARGA BIJIH
TIMAH AKAN MENJEJASKAN LAGI EKONOMI MALAYSIA TERUTAMA KETIKA
NEGARA INI BARU SAHAJA MENGALAMI KESAN BURUK AKIBAT BERKURANGNYA
HASIL EKSPORT.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN BAHAWA GEDUNG PERNIAGAAN MALAYSIA
YANG MENYERUPAI +SOGOSHOSHA+ DI JEPUN AKAN DILANCARKAN DENGAN RASMI
AWAL TAHUN DEPAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MEMBERIKAN BUTIR LANJUT.
—BERNAMA 1246/AN